

Pemuda UMNO Johor dikerah bantu mangsa banjir

Oleh MOHD. FAIRUZ YUSOF

JOHOR BAHRU 20 Dis. - Kesemua 26 jentera Pergerakan Pemuda UMNO Johor di peringkat bahagian telah digerakkan untuk membantu mangsa banjir yang kini ditempatkan di pusat-pusat pemindahan sementara.

Exco Pergerakan Pemuda UMNO, Abdullah Md. Yusof berkata, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein telah menghubunginya bagi tujuan itu hari ini.

"Buat permulaan, satu majlis penyerahan bantuan kepada mangsa banjir akan diadakan di Labis dekat Segamat esok," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan Kampung Pasir di sini hari ini.

Abdullah berkata, pihaknya menerima sumbangan makanan, beras dan daging ayam bernilai RM15,000 daripada syarikat swasta untuk disalurkan kepada mangsa banjir.

Beliau berkata, antara syarikat yang memberi sumbangan ialah Adabi Consumer Industries Sdn. Bhd., Pasar Raya Mydin, Nestle (M) Sdn. Bhd., Pertubuhan Peladang Johor Bahru Selatan dan Syarikat Jalen Sdn. Bhd.

Dalam pada itu katanya, sebanyak 400 mangsa banjir ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Kampung Pa-

sir di sini yang melibatkan sebanyak enam kampung.

Tambahnya, antara kampung terlibat ialah Kampung Pasir, Kampung Sri Jaya, Kampung Sri Serdang, Kampung Pangkalan Rinting, Kampung Usaha Jaya dan Kampung Melayu Danga.

Tambahnya, kira-kira 1,600 mangsa banjir telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tetapi mereka menumpang sementara di rumah saudara-mara dan rakan-rakan di sekitar daerah ini.

Jelasnya, bagaimanapun kira-kira 2,500 orang masih lagi belum mendaftar dan mereka dinasihatkan supaya mendaftar bagi menentukan bantuan yang diberikan.